

25 AUG 1998

Hassan-Mahathir

PERDANA MENTERI MAHU PEMIMPIN UMNO FAHAM MASALAH EKONOMI

SHAH ALAM, 25 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar berkata semua anggota Umno dikehendaki memahami benar-benar isu kegawatan ekonomi yang sedang dihadapi negara kini.

Beliau berkata perkara itu dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perjumpaan dengan pemimpin Umno Selangor dalam rangka lawatan kerja sehari beliau ke negeri ini hari ini.

Abu Hassan, Ketua badan perhubungan Umno negeri, berkata Dr Mahathir selaku Presiden Umno mahu supaya para pemimpin parti itu berkemampuan menepis dakyah serta maklumat salah yang disebar oleh orang asing berhubung masalah itu.

Ini kerana ada di kalangan orang asing itu yang menggunakan rakyat tempatan untuk menyebarkan maklumat salah berhubung keadaan di negara ini bagi tujuan menghasut, katanya.

"Itu sebabnya Perdana Menteri berusaha untuk membuat lawatan ke semua negeri dalam usaha menerangkan kepada rakyat dan pemimpin berhubung masalah ini," katanya pada persidangan berita selepas perjumpaan Perdana Menteri bersama rakyat di Stadium Malawati di sini.

Abu Hassan berkata para pemimpin kerajaan juga haruslah mampu menganalisis serta menilai setiap maklumat yang diterima supaya tidak terikut-ikut dengan dakyah palsu orang asing.

"Jika tidak, kita akan menjadi pak turut serta alat kepada orang asing untuk mencapai matlamatnya," katanya.

Sementara itu ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini berhubung ingatan Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya ahli Umno berpegang teguh dengan prinsip sebuah parti hanya mempunyai seorang "Jeneral", Abu Hassan berkata sama seperti pertubuhan lain, semestinya ada hanya seorang pemimpin yang menentukan dasar parti itu.

Beliau berkata orang itulah bertanggungjawab membuat dasar manakala yang lain bertanggungjawab untuk melaksanakannya.

"Apa-apa juga pandangan boleh disampaikan, tetapi untuk memastikan tiada masalah wujud, eloklah jika hanya ada seorang sahaja yang benar-benar bertanggungjawab membuat dasar," katanya.

-- BERNAMA

AZH NMO